

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

FAKULTI UNDANG-UNDANG
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

HARTINI BINTI SARIPAN

KETUA UNIT KUALITI :

MAZLINA BT MOHAMAD MANGSOR

PENYELARAS :

NUR ASMA BINTI YAHAYA

PENULIS :

1. NUR ASMA BINTI YAHAYA
2. HABIBAH BINTI OMAR
3. NADZRATUN NAIM BINTI HAMMAD AZIZI
4. IKMAL HISHAM BIN MD. TAH
5. NURULHUDA ADABIAH BINTI MUSTAFA
6. SAYIDAH ASMA BINTI BASIR
7. NURRULHUDA BINTI AHMAD

8. ANWAR NAJIB BIN A'ZMI
9. SYAZNI NADZIRAH BINTI YA'COB
10. ZUHAIRA NADIAH BINTI ZULKIPLI
11. SITI NURAMANI BINTI ABDUL MANAB
12. MARDIAH HAYATI BINTI ABU BAKAR
13. MUHAMMAD AZRIL BIN ROSLAN
14. DIYANA BINTI SULAIMAN
15. NOR AKHMAL BINTI HASMIN
16. AIN-MARYAM BINTI ZOLKIPLI @ ZULKIFLI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PENGENALAN

Dengan visi melahirkan Leading Legal Professional for the Global Community and Industry, kepemimpinan kanan Fakultas Undang-Undang (UiTMLaw) diterajui oleh Dekan, proaktif dalam mewujudkan perkongsian tanggungjawab strategik bersama para alumni, pihak industri dan ahli komuniti. Ini adalah bagi memenuhi tuntutan globalisasi yang semakin dinamik dan kompleks yang menjadi pemangkin transformasi dalam industri perundangan.

Selaras dengan agenda ke arah pencapaian **Globally Renowned University 2025**, barisan kepimpinan UiTMLaw mengadaptasi pendekatan kepimpinan transformasional dan inspirasional (transformational and inspirational leadership) dalam menggerakkan tumpuan-tumpuan utama perancangan strategik fakulti. Berpaksikan **Pelan Strategik UiTM2021**, anjakan paradigma yang dibawa dalam kepimpinan transformasional ini adalah ke arah pembinaan matlamat yang dikongsi bersama (shared vision) di antara warga fakulti, memperkasakan hubungan usahasama dengan para alumni, pihak industri dan ahli komuniti serta menggalakkan sinergi di antara pemegang taruh berkepentingan dalam mendokong aspirasi UiTMLaw.

Pada tahun 2021, kepimpinan kanan serta Jawatankuasa Perancangan Strategik Fakultas telah melakukan **Pemetaan Pelan Tindakan Strategik (UiTMLaw Strategic Action Plan)** bagi menyokong transformasi profesion perundangan negara berlandaskan dua teras strategik iaitu **Global Excellence dan Quality Education** yang berpandukan kepada misi dan visi UiTM. Keperluan pendekatan kepimpinan transformasional dan inspirasional dilihat signifikan setelah negara melalui perubahan kepada tahap endemik yang memerlukan peranan kepimpinan UiTMLaw untuk menyelesaikan masalah persekitaran yang kompleks, mengamalkan komunikasi berkesana dan terbuka, mempunyai fleksibiliti, mengaplikasi teknologi terkini, dan menjadi fasilitator perubahan. Pendekatan yang digunakan ini membolehkan kepimpinan UiTMLaw memaksima potensi warga fakulti serta melorjak prestasi yang berimpak tinggi melalui intervensi-intervensi yang telah dilakukan.

Kepimpinan Kanan UiTM diterajui oleh Dekan dan disokong oleh tiga (3) Timbalan Dekan iaitu Timbalan Dekan Akademik (HEA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP), Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Jaringan Industri (TDRICAEN), serta lima (5) orang Ketua Pusat Pengajian (KPP). Selain itu, Kepimpinan Kanan UiTMLaw turut dibantu oleh tiga belas (13) orang Koordinator (**Rujuk Rajah 1**). Kerjasama erat antara kepimpinan kanan dan warga UiTMLaw dalam melaksanakan tanggungjawab strategik dan penyampaian perkhidmatan yang efisien bertujuan untuk melahirkan pelajar undang-undang yang bersifat global.

Kecemerlangan global terkini UiTMLaw berada pada kedudukan ke 301-340 di dunia dalam QS World University Ranking by Subject 2022 (**Rujuk Rajah 2**). Lonjakan profil UiTMLaw ke peringkat global adalah sejajar dengan matlamat Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025). Objektif pelan ini ialah menjadikan UiTM sebagai Globally Renowned University menjelang 2025. UiTM2025 melalui tiga (3) paksi teras strategik iaitu:

- (i) pendidikan berkualiti
- (ii) kecemerlangan global
- (iii) prestasi berorientasikan nilai.

Sinergi efektif di antara kepimpinan kanan dan warga UiTMLaw memperkasakan kecemerlangan di peringkat global. Kejayaan ini adalah pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Fakultas Undang-Undang 2021 yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik Fakultas Undang-Undang.

Kejayaan ini juga menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 yang melanda negara pada awal tahun 2020 adalah bukan penghalang untuk UiTMLaw terus mendaki kedudukan terbaik dunia. Warga UiTMLaw menjadikan kekangan yang dihadapi sebagai pembakar semangat warga UiTMLaw untuk terus komited dalam melaksanakan pelan tindakan strategik fakulti yang bersifat mapan dan reaktif selari dengan aspirasi UiTM2025.

Link kepada Rajah 1 dan

2: https://www.canva.com/design/DAFKx5gH5MY/2Ks1uRuk4Jm5AqeQRfumiQ/view?utm_content=DAFKx5gH5MY&utm_campaign=designshare&utm_medium=link&utm_source=homepage_design_menu

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pada tahun 2021, kepimpinan kanan UiTM Law telah memutuskan untuk memberi tumpuan kepada teras **Jaringan Industri, Alumni, dan Kesukarelawan**. Penetapan ini adalah selari dengan tema strategik yang ditetapkan oleh UiTM2025 bagi mencapai kecemerlangan global iaitu **Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni (PPIKA)**. Matlamat ini dapat dicapai dengan mengukuhkan pakatan strategik bersama alumni dan industri melalui perkongsian strategik dengan pemain industri terkemuka dan institusi akademik bertaraf dunia.

Kesungguhan kepimpinan kanan UiTM Law dalam memperkasakan teras Jaringan Industri, Alumni dan Kesukarelawan dapat dilihat dengan penganjuran beberapa program berbentuk PPIKA. Program yang dijalankan bukan sahaja dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan, Inovasi, dan Jaringan Industri tetapi juga Bahagian Hal Ehwal Akademik, dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang turut melibatkan sembilan (9) buah kelab dalaman UiTM Law. Kerjasama erat di antara tiga komponen utama UiTM Law adalah untuk memastikan program yang dianjurkan adalah bersifat komprehensif dan holistik (melibatkan pensyarah, pelajar, alumni dan masyarakat) (**Rujuk Rajah 3**).

Penganjuran program ini juga boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu (i) peringkat antarabangsa, dan (ii) peringkat fakulti. Tidak dinafikan program yang bersifat antarabangsa seperti menandatangani **Memorandum of Understanding (MOU)** atau **Memorandum of Agreement (MOA)** bersama institusi antarabangsa atau pembelajaran global bersama universiti luar negara mempunyai impak yang sangat besar terhadap kedudukan UiTM di persada global. Walau bagaimanapun program yang dijalankan di peringkat fakulti melibatkan jaringan di antara pemain industri tempatan dan alumni juga memainkan peranan yang sangat penting. Program **UiTM Law Industry – Alumni Mentorship Programme** yang dijalankan pada semester Mac 2021 - Ogos 2021 dan semester Oktober 2021 - Mac 2022 merupakan salah satu program berbentuk PPIKA. Program ini merupakan salah satu inovasi dan invensi UiTMLaw bagi memberikan pendedahan industri kepada pelajar (pelajar tahun akhir) sebelum menempuhi alam pekerjaan. Mentor yang terlibat merupakan alumni UiTMLaw yang telah berjaya mencipta nama dalam bidang perundangan (**Rujuk Lampiran 1**). Perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perundangan oleh alumni UiTMLaw kepada pelajar UiTMLaw adalah penekanan utama program mentorship.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_K01_KB02_20221_PELAN TINDAKAN MENGERAKKAN TERAS STRATEGIK.pdf](#)
2. [F0043_K01_KB02_20222_LAMPIRAN 1.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.
6. [F0043_K01_KB02_20221_PELAN TINDAKAN MENGERAKKAN TERAS STRATEGIK.pdf](#)
7. [F0043_K01_KB02_20222_LAMPIRAN 1.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PELAN PERLUASAN MENGERAK TERAS STRATEGIK

Pelaksanaan UiTM Law Industry-Alumni Mentorship Programme adalah berdasarkan tiga teknik pengurusan (i) decentralisasi (**decentralisation**) dan delegasi kuasa (**delegation of power**), (ii) kaedah komunikasi dua hala (**two ways communications**), dan (iii) penyelidikan penilaian (**evaluation research**) bagi memastikan kelicinan pentadbiran dan pelaksanaan program **UiTM Law Industry – Alumni Mentorship Programme 2.0** yang telah dirangka.

Teknik decentralisasi dan delegasi kuasa ini diguna pakai bagi memastikan proses pembuat keputusan berjalan dengan cekap dan lancar disamping membuka ruang dan peluang kepada warga UiTMLaw (staf dan pelajar) untuk memberikan pandangan serta membuat keputusan dalam sesuatu perkara (**Rujuk Lampiran 2**). Jawatankuasa induk program telah diwujudkan dan dinaungi oleh Dekan. Penasihat dan penyelar program juga terdiri dari kepimpinan kanan (Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik serta Ketua Program Pengajian Undang-Undang-Undang). Manakala pengarah program serta jawatankuasa pelaksana pula terdiri dari pensyarah muda yang mempunyai gaya pemimpinan generasi baharu yang mengintegrasikan teknologi dalam pengurusan. Ini selari dengan konsep 'fakulti elektronik' yang diamalkan oleh pengurusan UiTMLaw dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Program ini juga melibatkan jawatankuasa pelaksana pelajar yang secara langsung akan melahirkan graduan Bumiputra yang profesional, berdaya saing saing, global, dan beretika.

Komunikasi dua hala pula digunakan untuk menyampaikan dan menyebarkan maklumat bagi melaksanakan program yang telah disasarkan. Kaedah ini digunakan membolehkan kepimpinan kanan memberikan arahan kepada jawatankuasa pelaksana serta menerima pandangan dan cadangan bagi melancarkan pelaksanaan program. Medium komunikasi digital seperti WhatsApp dan email mempercepatkan, memperluaskan, dan memperkukuhkan proses penyampaian maklumat kepada warga UiTM Law, alumni, dan pihak industri.

Manakala kaedah penyelidikan penilaian diamalkan bagi (i) memastikan kesinambungan program yang dijalankan, (ii) mengenalpasti keberkesanan program yang dijalankan, serta (iii) melakukan penambahbaikan pada program akan datang. Kaedah ini dilaksanakan dengan mengumpul dan menganalisa data dengan sistematik. Terdapat empat (4) komponen penyelidikan pembudayaan yang diamalkan oleh UiTMLaw:

1. Menyediakan maklum balas program bagi mengenalpasti sama ada matlamat program telah dicapai, keberkesanan program kepada peserta.
2. Menjalankan tahap keberkesanan penggunaan sumber bagi mencapai matlamat program.
3. Mewujudkan suatu proses perancangan yang tetap dan berterusan, dengan mendapatkan maklumat mengenai kekangan atau pemasalahan yang boleh mempengaruhi pencapaian objektif program.
4. Menjalankan tahap boleh guna sesuatu program dan penerimaan oleh pihak berkaitan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_K01_KB03_20221_LAMPIRAN 2.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PELAN TINDAKAN PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan kanan UiTM Law menggunakan dua (2) mekanisme pemantauan iaitu melalui (i) komunikasi secara konsisten, (ii) mesyuarat dan perbincangan secara berkala, dan (iii) penilaian dapatan. Komunikasi secara konsisten diantara penaug, penasihat serta jawatan kuasa pelaksana dapat memastikan program dilaksanakan secara efektif dan efisien. Setiap isu yang timbul dapat diselesaikan dengan segera bagi memastikan keberkesanan hasil inisiatif program. WhatApp dan email digunakan bagi memastikan komunikasi dapat dilakukan dengan cepat dan konsisten.

Selain itu, penilaian secara berkala juga dijalankan melalui beberapa siri mesyuarat secara berkala diadakan bagi memantau pelaksanaan program (**Rujuk Lampiran 3**). Pembentangan laporan kemajuan program serta permasalahan dibuat semasa mesyuarat. Selain mesyuarat, perjumpaan serta perbincangan di antara ahli jawatankuasa pelaksana, mentor dan mantee diadakan mengikut keperluan dan kesesuaian. Disebabkan oleh pandemik COVID-19, mesyuarat dan perbincangan dijalankan secara atas talian. Maklumbalas dari mesyuarat dan perbincangan dijadikan sebagai input untuk penambahbaikan pelaksanaan program.

Pemantauan keberkesanan program juga dilakukan melalui penilaian peserta menggunakan borang maklumbalas program yang diberikan pada penghujung semester. Maklumat balas peserta dikumpul menggunakan Google Form dan dianalisa. Tahap kepuasan hati dan kefahaman peserta menjadi pengukur utama keberkesanan program. Selain itu, borang penilaian juga mengandungi maklumat penambahbaikkkan yang dicadangkan oleh peserta (**Rujuk Lampiran 4**). Maklumbalas penambahbaikkkan digunakan untuk mengkaji semula keberkesanan program serta memastikan program masa hadapan dapat dijalankan dengan lebih efektif.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_K01_KB04_KC01_20221_LAMPIRAN 3.pdf](#)
2. [F0043_K01_KB04_KC01_20222_LAMPIRAN 4.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTM Law Industry-Alumni Mentorship Programme mula dijalankan pada semester Mac 2021 hingga Ogos 2021 semasa pandemic COVID-19 melanda dunia. Keadaan pandemik telah mencetuskan satu inisiatif yang kreatif untuk mewujudkan satu program berasaskan Mentor – Mentee sebagai salah satu persediaan untuk para pelajar memasuki dunia pekerjaan. Pihak PTJ mengenal pasti risiko penularan wabak dan kekangan dari segi dasar-dasar kerajaan pada ketika itu yang antara lainnya menghadkan pergerakan semasa pandemik. Oleh itu, pihak PTJ telah membuat keputusan untuk menjalankan program ini secara atas talian. Dari masa ke masa, pihak PTJ melalui maklumbalas para pelajar dan Mentor serta mengambil kira kebenaran standard operasi (SOP) kerajaan pada masa itu turut pernah membenarkan perjumpaan Mentor – Mentee secara bersemuka di kawasan kampus. Pihak PTJ hanya membenarkan kehadiran dari mereka yang telah lengkap vaksinasi Covid-19 dan perjumpaan adalah secara sukarela mengikut kumpulan yang mahu bersemuka. Perjumpaan pada ketika itu dilakukan mengikut SOP yang dibenarkan, dibawah seliaan urusetia program (**Rujuk Rajah 4, Rajah 5 dan Rajah 6**). Hasilnya, program ini telah mendapat sambutan dan maklum balas yang sangat menggalakkan daripada pelajar tahun akhir dan Mentor daripada industri perundangan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_K01_KB04_KC02_20221_KENAL PASTI RISIKO.pdf](#)

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

MENGENAL SEMULA DAN MEMBUAT TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTM Law Industry-Alumni Mentorship Programme ini pada mulanya hanya tertumpu kepada pelajar Tahun Akhir, Sarjana Muda Undang-Undang (Bahagian 7 & 8). Menerusi program-program mentorship yang lain seperti Academic Excellence Series: Beyond the Classroom bersama Profesor Adjung Fakulti Undang-Undang, pihak PTJ berpendapat program ini bukan sahaja sesuai untuk pelajar tahun akhir, tetapi juga pelajar Bahagian 1 dan 4 (**Rujuk Rajah 7**). Hal ini bagi memberikan pendedahan awal kepada para pelajar terutamanya pelajar Bahagian 1 dan 4 yang tidak berpeluang untuk menjalani pengajian di kampus berikutan situasi pandemik COVID-19.

Disamping itu, pihak PTJ telah mengenal semula maklumbalas dari pada para pelajar dan mentor industri yang terlibat dalam sesi yang pertama dan telah membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan program (**Rujuk Rajah 8**). Antaranya, mengadakan taklimat daripada dekan bersama mentor industri sebelum memulakan sesi mentorship yang berikutnya untuk menjelaskan peranan mentor industri dan memastikan objektif program dapat dicapai secara holistik (**Rujuk Rajah 9**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_K01_KB04_KC03_20221_MENGENAL SEMULA DAN MEMBUAT TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

INTEGRASI

Kepimpinan Dekan UiTMLaw adalah salah satu penyumbang utama kejayaan program ini. Dekan telah sama-sama turun padang dalam memastikan kejayaan dan kelancaran perjalanan program. Perkara ini dilakukan dengan turut sama menghadiri mesyuarat bersama AJK pelaksana, pelajar dan alumni. Dekan serta Timbalan Dekan turut memberikan idea untuk mengatasi masalah yang dihadapi dalam melaksanakan program ini. Komen positif sentiasa diberikan bagi memastikan keberkesanan program kepada pelajar, alumni dan masyarakat.

Pelaksanaan program ini juga melibatkan Pegawai Eksekutif serta staf sokongan. Mereka ini telah memberikan khidmat teknikal sepanjang program berlangsung. Ini kerana program dijalankan secara online. Kepimpinan Kanan juga memastikan pelajar terlibat secara langsung dalam persiapan program ini. Tujuan utama adalah untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing dan mempunyai sifat kepimpinan. Program ini telah mendedahkan pelajar kepada kemahiran yang tidak dapat diperolehi di bilik darjah. Nilai dan kemahiran ini adalah penting bagi menempuhi alam pekerjaan. Selain itu juga, kertas kerja program ini disiapkan dengan rapi dengan memastikan objektif program adalah bersifat holistic dan memberikan impak yang tinggi kepada pelajar, alumni, dan masyarakat (**Rujuk Lampiran 5**).

Kejayaan pelaksanaan program ini menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 serta sekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan bukan penghalang untuk warga UiTMLaw menghasilkan program yang berimpak tinggi. Program ini telah mendapat pengiktirafan apabila ia dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori Outstanding Support for Students dalam majlis anugerah Times Higher Education Awards (THE) UiTM2021.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_K01_KB05_20221_LAPORAN MENTORSHIP 1.0.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMLaw komited memfokuskan kecemerlangan dalam semua bidang, pun begitu, pada tahun 2021, bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan adalah bidang tumpuan yang difokuskan untuk memacu kelestarian UiTMLaw, pelajar, alumni, komuniti dan industri. Penghujung tahun 2020, UiTMLaw telah siap siaga menyediakan **Strategic Action Plan 2021 (SAP2021)** yang komprehensif dan inklusif hasil dari perbincangan dan komunikasi berkesan antara pihak Pengurusan, para pensyarah, wakil pelajar serta keterlibatan alumni UiTMLaw yang sentiasa sudi menyumbang bakti kepada alma mater bagi mencapai matlamat, misi dan visi UiTM sebagai sebuah Universiti Tersohor menurut **Pelan Strategik UiTM 2016-2020**, dan sebagai **Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025 (Pelan Strategik UiTM2025)**.

Perancangan strategik UiTMLaw bermula dengan rangkaian sasaran dan pelan lima tahun di dalam buku **Strategic Planning FUU (2016-2020)**. Di bawah **Pelan Strategik 2025, UiTMLaw** merencana sasaran jangka panjang dan jangka pendek secara tahunan. SAP2021 telah menyediakan pelan jangka pendek bagi tahun 2021. Dokumen ini adalah sejajar dengan **Pelan Strategik UiTM2025, RMK-11 UiTM 2016-2020 dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (Sustainable Development Goals (SDG) 2030)**.

Pada 2021, UiTMLaw telah diberi mandat untuk memenuhi 58 sasaran Petunjuk Prestasi (PI). Memfokus kepada Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, UiTMLaw: Towards Networking and Mapping the Global Visibility adalah tagline yang bertepatan dengan misi UiTMLaw dalam merangka sinergi antara UiTMLaw, para pelajar, komuniti dan industri. Di dalam **Teras Strategik ke-2, UiTM2025** yang mensasar kepada **Kecemerlangan Global, Tema Strategik ke-5 memfokus kepada Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni**. Ianya bertujuan untuk memperkasakan kerjasama strategik bersama alumni dan rakan kongsi industri yang terkemuka dalam bidang undang-undang di samping memberi makna kepada MoU dan MoA yang ditandatangani. Ini bertepatan dengan sasaran mencapai High Quality Students through Academic Excellence, Global Prominent and Holistic Learning. Misi ini memerlukan kerjasama erat dan sinergi dari berbagai aspek untuk mendapatkan hasil yang cemerlang dan berimpak tinggi dengan ketampakan yang positif di peringkat lokal dan antarabangsa.

Fokus pemeraksanaan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan memperlihatkan perancangan program berskala besar dan berimpak tinggi serta berskala kecil dan bersifat ad hoc. Aktiviti yang di rancang dijalankan mengikut jadual perancangan **Strategic Action Plan 2021** Fakulti dan mendapat komitmen penuh semua pihak yang terlibat.

Di dalam SAP2021, projek-projek dan program-program Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan dipayungi di bawah 4 kategori Program Utama iaitu:

1. UITMLAW FOR COMMUNITY
2. UITMLAW CAREER PROGRAM
3. LEARNING @ INDUSTRY
4. UITMLAW STRATEGIC PARTNERSHIP

Komunikasi dan kerjasama berkesan di antara pihak pengurusan UiTMLaw dan warganya, pelajar, Alumni dan industri menjadikan tugas mencapai sasaran yang diamanahkan kepada UiTMLaw berjaya dengan cemerlang. Hasil kerjasama dan sinergi semua pihak telah memungkinkan UiTMLaw mencapai peratusan sasaran yang cemerlang pada tahun 2021, iaitu sebanyak **91%** iaitu satu pencapaian **6 bintang**. Satu kejayaan yang besar bagi sebuah Fakulti yang kecil.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Asas kepada Perancangan Strategik UiTMLaw 2016-2020 adalah Realistik, Kebolehlaksanaan (Feasibility), Kebolehjayaan (Viability) dan Hemat Biaya (Cost Effective). Atas asas ini, objektif dan inisiatif pemerkasaan bidang tumpuan yang difokuskan bertumpu kepada tiga teknik pengurusan (i) decentralisasi (decentralisation) dan delegasi kuasa (delegation of power), (ii) kaedah komunikasi dua hala, dan (iii) penyelidikan penilaian (evaluation research). Tiga langkah pengurusan efektif ini diambil bagi melaksanakan program **UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Program 2.0: Inspiring Future Leader** yang telah dirancang.

Berpaksikan Tema Strategik ke-5 yang memacu ke arah Kecemerlangan Global, perkongsian pintar diantara 3 tonggak utama bidang tumpuan iaitu rakan kongsi industri, komuniti dan alumni diperkasakan. Lanya bermula dengan cetusan idea Pengurusan Tertinggi yang melihat peluang pelajar berinteraksi dengan industri and komuniti terkesan akibat daripada interaksi bersemuka yang perlu dihadkan akibat dari pandemik Covid-19. Sinergi di antara tiga tonggak utama UiTMLaw iaitu Hal Ehwal Akademik (HEA), Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Jaringan Industri dan Pengantarabangsa (PJI) memperlihatkan interaksi yang berkesan dan efektif yang bersifat serampang banyak mata. Program berimpak tinggi dirancang bagi meningkatkan ketampakan UiTMLaw di peringkat nasional dan antarabangsa. Komunikasi dan kerjasama berkesan di antara pihak pengurusan UiTMLaw dan warganya, pelajar, Alumni dan industri menjadikan tugas mencapai sasaran yang diamanahkan kepada UiTMLaw berjaya dengan cemerlang.

Antara program yang paling cemerlang dan sangat berimpak dalam bidang tumpuan ini adalah **UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Program 2.0: Inspiring Future Leader**. Program ini merupakan satu program bersiri yang disambung bertitik tolak kejayaannya di siri 1.0 pada 2020. Program berimpak tinggi telah berjaya memenangi tempat pertama **Anugerah MeTIC 11/2022 - Kolaborasi Alumni Terbaik** anjuran Pejabat ICAN pada 17-19 Mei 2022.

Bagi memastikan keberkesanan program, pemantauan yang berkesan juga telah dilaksanakan. Maklumbalas diambil dan dianalisa bagi mengenalpasti impak program dan untuk tujuan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_P01_PB02_20221_PI_2021_PENCAPAIAN_FUU.pdf](#)
2. [F0043_P01_PB02_20222_Poster_6_star_FUU.pdf](#)
3. [F0043_P01_PB02_20223_Buku_Strategic_Planning_FUU_\(2016-2020\).pdf](#)
4. [F0043_P01_PB02_20224_Poster_METIC2021.pdf](#)
5. [F0043_P01_PB02_20225_STRATEGIC_ACTION_PLAN_2021_\(FACULTY_OF_LAW\)\(3Feb2021\).pdf](#)
6. [F0043_P01_PB02_20221_PI_2021_PENCAPAIAN_FUU.pdf](#)
7. [F0043_P01_PB02_20222_Poster_6_star_FUU.pdf](#)
8. [F0043_P01_PB02_20223_Buku_Strategic_Planning_FUU_\(2016-2020\).pdf](#)
9. [F0043_P01_PB02_20224_Poster_METIC2021.pdf](#)
10. [F0043_P01_PB02_20225_STRATEGIC_ACTION_PLAN_2021_\(FACULTY_OF_LAW\)\(3Feb2021\).pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

RMK-11 UiTM 2016-2020 merupakan garis panduan hala tuju strategik UiTM untuk tempoh masa lima (5) tahun (2016-2020) sebagai kesinambungan Rancangan Malaysia yang terdahulu. Ianya berperanan untuk merancang dan melaksana strategik bagi membolehkan UiTM menjadi lebih cemerlang dan meletakkan UiTM di peta dunia. Berdasarkan Pelan Strategik UiTM2025, matlamat strategik UiTM adalah untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025.

Bagi program UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Program 2.0: Inspiring Future Leader, dalam memperkasakan perkongsian pintar anantara UiTMLaw, Industri, Alumni dan komuniti, pelajar tahun akhir UiTMLaw merupakan penerima manfaat pelaksanaan program ini. Ini secara tidak langsung memenuhi matlamat salah satu daripada Enam Strategi Tumpuan iaitu Modal Insan untuk Negara Maju yang diterapkan dalam Teras 3 dalam RMK-11 yang menjurus kepada meningkatkan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat secara inklusif. Melalui pelaksanaan program latihan dan mentoring yang diterajui industri, modal insan berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan industri dapat dihasilkan. Oleh itu, untuk memenuhi aspirasi ini, UiTMLaw telah menekankan strategi kerjasama antara peneraju yang bertanggungjawab di bawah naungannya.

Aktiviti pelajar yang diketuai oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar tidak dapat berjalan lancar tanpa penyertaan dan input dari bahagian Hal Ehwal Akademik dan sokongan peneraju Alumni dan Jaringan Industri. Oleh itu, aktiviti pelajar didokong oleh tiga tunggak utama UiTMLaw iaitu bahagian Hal Ehwal Pelajar, Hal Ehwal Akademik dan cabang Alumni dan Jaringan Industri.

Berikutan Pandemik Covid-19, hasil sinergi ketiga-tiga tunggak utama UiTMLaw ini telah mencetuskan satu inisiatif untuk mewujudkan satu program berasaskan Mentor – Mentee sebagai salah satu persediaan untuk para pelajar memasuki dunia pekerjaan. Program **UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship 2.0**, yang bertemakan "*Inspiring Future Leaders*" diperkenalkan oleh Fakulti Undang-Undang sebagai salah satu inisiatif untuk membantu para pelajar mendapatkan pandangan serta nasihat daripada pakar rujuk industri yang terdiri daripada alumni Fakulti Undang-Undang berkaitan cabaran dan situasi pasaran kerja semasa.

Dalam Projek ini, dapat dilihat bahawa selain daripada dapat memenuhi kriteria bidang tumpuan dari aspek jalinan kerjasama antara UiTMLaw, rakan kongsi industri dan alumni yang merangsang perkongsian dan perpindahan ilmu, program ini juga dapat mengasah bakat kepimpinan dan komunikasi pelajar di samping membuka peluang berinteraksi dalam program kebajikan bersama komuniti yang terlibat. Oleh yang demikian, program mentoring ini memperlihatkan perluasan aktiviti kerjasama di peringkat UiTMLaw serta pembabitan industri dan komuniti di peringkat nasional. Program ini dapat memenuhi beberapa sasaran Petunjuk Prestasi bukan sahaja di bawah peneraju Hal Ehwal Pelajar, tetapi juga mencapai kriteria Petunjuk Prestasi di dalam urusan Hal Ehwal Akademik dan ICAN.

Daripada melihat pandemik Covid-19 sebagai sesuatu yang menghalang ke arah sinergi dan perkongsian ilmu dan kepakaran pelbagai pihak, UiTMLaw telah melihat ini secara positif untuk menghasilkan yang terbaik untuk ketampanan UiTMLaw di peringkat yang lebih luas. Program yang secara fizikalnya memerlukan kerjasama dan sinergi serta kos kewangan yang tinggi telah dieksploitasi kepada sesuatu yang lebih baik. Pendekatan mentoring dalam kelompok yang kecil memberikan ruang pendedahan yang lebih baik dan fokus dalam perkongsian ilmu di peringkat dalaman mahupun antarabangsa. Ini adalah matlamat yang diinginkan dalam **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 -2025**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_P01_PB03_20221_Poster 3 tonggak utama.ppt](#)
2. [F0043_P01_PB03_20222_Poster Pemantauan 2 peringkat.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Sebarang program yang dirancang tidak akan memberi makna jika ia tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Oleh yang demikian UiTMLaw memberi penekanan kepada urusan pemantauan UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship 2.0 bagi memastikan aktiviti yang dirancang berjalan lancar.

Pemantauan program ini berlaku pada dua peringkat. Peringkat Pertama adalah pemantauan sendiri di peringkat penaung utama. Di peringkat ini, bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Hal Ehwal Akademik akan memantau program yang dilaksanakan melalui sistem maklumbalas pelajar dan mentor yang terdiri daripada alumni di dalam Google Forms yang diedarkan. Ini dapat memastikan pelaporan terkini diperolehi untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan program disamping memantau sasaran petunjuk prestasi yang telah dan belum dicapai oleh UiTMLaw. Data ini disimpan secara One Stop Centre dimana koordinator dari mana-mana tonggak dalam UiTMLaw boleh mengakses data bagi tujuan pelaporan. Pengumpulan data di One Stop Centre ini memenuhi kriteria pelaporan di bahagian HEP dan sistem PRIME yang digunapakai oleh ICAN di peringkat UiTM.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_P01_PB04_PC01_20221_Maklumbalas dan analisa.pdf](#)
2. [F0043_P01_PB04_PC01_20222_Pembentangan SP-MEP 27 Sept 2021.pdf](#)
3. [F0043_P01_PB04_PC01_20223_Rumusan Perbincangan_04.06.2021.pdf](#)
4. [F0043_P01_PB04_PC01_20224_Poster Pemantauan 2 peringkat.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Memang menjadi matlamat UiTMLaw menyediakan program terbaik bagi memperkasa UiTMLaw di mata dunia. Dapat dilihat program yang dirancang bukan sahaja berkepelbagaian, malahan memberi impak tidak ternilai kepada semua pihak yang terlibat. Pun begitu, ianya merupakan satu keperluan untuk sentiasa memperbaiki sebarang kelemahan yang ada untuk mencapai hasil yang lebih baik. Untuk itu, bagi tujuan penambahbaikan, pihak HEP bersama dengan HEA telah menggunakan dua pendekatan. Pertama, pihak HEP bersama-sama ahli jawatankuasa tertinggi kelab-kelab yang terlibat akan mengadakan perbincangan pasca-aktiviti untuk menjalankan post mortem bagi mengenalpasti kelemahan dan perkara-perkara berbangkit yang perlu diambil kira. Disini perbincangan dua hala yang berkesan dapat mengeluarkan cadangan-cadangan yang membina untuk pelaksanaan program yang lebih baik di masa akan datang. Kedua, setiap program yang dilaksanakan akan dinilai dari segi keberkesanan dan tahap kepuasan pelajar di mana para pelajar terlibat diminta mengisi maklumbalas pelanggan. Hasil maklum balas ini dianalisa untuk tujuan penambahbaikan diprogram akan datang. Maklum balas dari pihak industri dan alumni dapat memberi impak positif dalam aspek penambahbaikan.

SENARAI BUKTI :

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pandemik Covid-19 sememangnya meletakkan semua warga UiTMLaw dalam keadaan keterpaksaan untuk mengharungi norma baru dalam pendidikan tertuari. Pengurusan Kanan Fakulti telah mengambil langkah proaktif melalui siri perbincangan dan mesyuarat untuk menyediakan garis panduan dan latihan kepada seluruh warga UiTMLaw sebagai persediaan memberikan pendidikan dan menjalani aktiviti secara atas talian. Aktiviti melibatkan pelajar, rakan kongsi industri, alumni dan komuniti dirombak dan disesuaikan mengikut keadaan semasa terutamanya berkaitan cabaran dan situasi pasaran kerja semasa.

Untuk itu, UiTMLaw perlu menganalisa risiko yang mungkin dihadapi yang boleh merencat dari tercapainya pelan dan inisiatif yang dirancang. Melalui pengurusan risiko, kemungkinan ini dikenalpasti. Antara risiko yang telah dijangkakan adalah risiko pembangunan kemahiran dan penerapan pengetahuan akibat daripada pembelajaran dalam talian yang berterusan. Strategi baru dikenal pasti agar perkongsian pintar dan pertukaran ilmu dikalangan pakar dalam industri dan pihak yang memerlukan di kalangan komuniti dan pelajar dapat berlangsung.

Untuk itu, strategi yang diambil untuk memperkasakan Kecemerlangan Global melalui Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni yang menjurus kepada ketampakan UiTMLaw di peringkat nasional dan internasional. Peningkatan kebajikan dan kesejahteraan Pelajar, impak yang positif kepada komuniti keseluruhannya melalui hubungan yang akrab dikalangan warga UiTMLaw, Alumni dan rakan kongsi industri melalui program UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship 2.0, memperlihatkan pelaksanaannya dibuat secara berkelompok di mana alumni dan rakan kongsi industri yang terlibat diberi kebebasan untuk mengerakkan aktiviti masing-masing berdasarkan kekuatan mentor tersebut. Pendedahan yang pelbagai ini dapat meninggalkan impak yang baik kepada semua pihak. Program ini merupakan satu perkongsian pengalaman oleh mentor dilihat sebagai platform untuk memberi inspirasi dan nilai tambah kepada pelajar melalui perkongsian mengenai hal-hal praktikal (practical exposure) di dalam industri.

Bagi pencapaian prestasi Fakulti secara keseluruhan, pantauan secara berkala dan konsisten oleh PSTU dengan seliaan terus oleh Dekan Fakulti membolehkan Fakulti mengenalpasti petunjuk prestasi yang manakah yang masih belum dicapai. Pelaporan dan kemaskini yang wajib dilakukan di dalam sistem peneraju membantu proses ini. Dengan merujuk kepada pencapaian semasa dibanding sasaran yang diperuntukkan, pihak yang bertanggungjawab akan sentiasa dalam keadaan siap siaga dan dapat mempertingkatkan usaha dan berinovasi bagi mencapai sasaran. Intervensi dijalankan dan program-program yang dirancang disesuaikan dengan keadaan semasa.

SENARAI BUKTI :

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak Kepimpinan Kanan banyak membantu warga UiTMLaw dalam merancang strategi bagi memastikan program yang dirancang dilaksanakan dengan lancar dan teratur bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik. Hubungan yang baik di antara Kepimpinan Kanan dengan para pensyarah, para pelajar dan sinergi yang baik dengan rakan kongsi industri dan alumni memudahkan kerjasama dijalankan.

Bagi program **UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship 2.0**, kerjasama antara tiga tonggak utama UiTMLaw telah memperlihatkan hasil yang sangat baik. Dekan selaku penasihat, turun padang dalam memberi idea, komen membina dan motivasi bagi menghasilkan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pelajar yang telah dirancang, TD HEP selaku ketua dan penasihat disokong kuat oleh seorang Pegawai Eksekutif dan seorang kerani. Sinergi yang baik dengan sembilan kelab-kelab dan persatuan pelajar dibawah UiTMLaw membolehkan mobilisasi informasi dan tenaga kerja diatur dengan baik untuk menggerakkan aktiviti yang dirancang. Penasihat-penasihat kelab dan Program yang merupakan pensyarah-pensyarah UiTMLaw yang sangat berwibawa dan komited memastikan setiap program yang dirancang berjalan lancar. Dalam kebanyakan waktu, sokongan dan tenaga juga disalurkan oleh peneraju Hal Ehwal Akademik dan Alumni dan Jaringan Industri. Dekan selaku penaung, sentiasa memberi tunjuk ajar, idea dan motivasi agar program yang dirancang berjalan lancar. Ini bermakna, setiap aktiviti yang dirancang akan melibatkan keseluruhan warga UiTMLaw secara langsung atau tidak.

Dengan kerjasama yang sangat baik ini, UiTMLaw menjadi lebih kreatif dan berinovasi untuk menghidupkan aktiviti pelajar. Usaha para pelajar dalam menangani cabaran Covid-19 dilihatkan perlu diberi pengiktirafan. Oleh yang demikian, pihak UiTMLaw telah mengambil peluang berinovasi dan menganjurkan program ini. Program yang dijayakan dengan kerjasama para pensyarah dan pelajar mendedahkan pelajar kepada penggunaan pelbagai platform maya yang merupakan kemahiran yang diperolehi diluar bilik darjah. Program ini telah mendapat pengiktirafan apabila ia dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama **Anugerah MeTIC 11/2022 - Kolaborasi Alumni Terbaik** anjuran Pejabat ICAN pada 17-19 Mei 2022.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Undang - Undang UiTM telah melaksanakan program UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Programme yang melibatkan para pelajar semester 1 dan 4, dan juga para pelajar semester 7 dan 8. Program ini melibatkan alumni Fakulti Undang - Undang UiTM, yang kini mempunyai kepakaran mendalam dan pengalaman sebagai pengamal undang - undang. Program ini memberikan peluang kepada para pelajar yang terlibat untuk mendapatkan bimbingan secara langsung dari pengamal undang - undang yang berpengalaman. Dari aspek perancangan, pihak Fakulti telah membuat perancangan terperinci bagi memastikan matlamat yang ingin diperolehi hasil dari pelaksanaan program ini dapat dicapai secara optimum. Ini merujuk kepada sasaran untuk memberikan pendedahan terbaik kepada para pelajar Fakulti Undang-Undang UiTM berkenaan selok belok bidang guaman menerusi perkongsian dan bimbingan dari para alumni yang berkepakaran. Dari aspek pelaksanaan, program ini meletakkan kepuasan pelanggan sebagai antara orientasi utama, dan telah berjaya mencapai matlamat yang disasarkan. Pemantauan juga diadakan sepanjang tempoh masa program ini berlangsung. Penambahbaikan juga dilakukan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira maklum balas yang telah diterima dari semua yang terlibat sepanjang program ini berlangsung.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pihak Pengurusan Kanan fakulti memberikan perhatian kepada jaringan industri, pelanggan dan keusahawanan dengan menekankan pembangunan yang holistik, selaras dengan Teras Kedua, Tema Strategik Ke-5 Pelan Strategik UiTM 2025 iaitu Industri, Komuniti dan Kerjasama Pintar Alumni. Ini dapat dilihat menerusi penganjuran aktiviti UiTMLaw Industry - Alumni Mentorship Program. Program ini merupakan program berimpak tinggi yang memberikan fokus kepada alumni Fakulti Undang - Undang, UiTM. Kumpulan sasar bagi program ini merupakan para pelajar Fakulti Undang - Undang, UiTM yang berada dalam bahagian 7 dan 8.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_T01_TB02_20221_iajnc.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data pelanggan merujuk kepada maklumat kesemua pihak yang terlibat dan menghadiri program yang dilaksanakan, meliputi tokoh - tokoh dari industri; staf Fakulti Undang - Undang UiTM; dan para pelajar bahagian 1 dan 4, serta bahagian 7 dan 8 yang telah menghadiri program yang dianjurkan. Maklumat ini telah diperolehi menerusi pautan Google Form yang kemudiannya telah dikumpulkan oleh pihak Fakulti Undang - Undang, Universiti Teknologi MARA. Data yang telah diperolehi disimpan oleh pihak Fakulti secara digital. Pihak pengurusan Fakulti Undang - Undang, UiTM telah melibatkan pihak alumni dan komuniti dalam pelaksanaan bidang tumpuan pilihan menerusi perbincangan dan kerjasama strategik di antara pihak - pihak terbabit. Tenaga kerja dari pihak Fakulti Undang - Undang, UiTM telah mengadakan perbincangan dengan rakan kerjasama pintar, iaitu para alumni Fakulti Undang - Undang, yang berpengalaman dalam industri.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_T01_TB03_20221_iaknc.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelaksanaan bidang tumpuan yang memberikan fokus kepada alumni, jaringan industri dan keusahawanan meletakkan Fakulti Undang - Undang dan Universiti Teknologi MARA jauh di hadapan berbanding dengan universiti - universiti lain, dari aspek kerjasama di antara pihak universiti dan industri, yang bukan sahaja memberikan manfaat kepada para pelajar malah meningkatkan kualiti graduan dan ketampakan Fakulti Undang - Undang, Universiti Teknologi MARA sebagai institusi pengajian tinggi yang berupaya untuk melahirkan pada graduan yang berdaya saing tinggi dalam industri. Ini juga memberikan kelebihan kepada tenaga kerja Fakulti untuk bergerak seiring dengan pihak industri dalam memastikan bidang kajian yang dilaksanakan selaras dengan keperluan industri. Alumni dan industri juga dapat mewujudkan jalinan kerjasama pintar dengan Fakulti Undang - Undang dan Universiti Teknologi MARA, yang antara lainnya dapat mengenal pasti keperluan para pelajar di Fakulti Undang - Undang dan bantuan serta sokongan yang perlu dapat disalurkan kepada para pelajar dari aspek kewangan dan keperluan pembelajaran. Para pelajar yang terbabit dalam program mentorship ini dapat mengetahui selok - belok bidang guaman dari segi praktikal, melalui perkongsian ilmu dan maklumat oleh para alumni. Para pelajar juga boleh menyuarakan sebarang kesukaran atau soalan kepada para mentor.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_T01_TB04_TC01_20221_iaknc.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Program UiTMLaw Industry - Alumni Mentorship Program 2.0 yang dianjurkan merupakan hasil kolaborasi cemerlang di antara pelbagai pihak, iaitu ahli industri yang merupakan alumni Universiti Teknologi MARA; pihak pengurusan dan staf Fakulti Undang - Undang UiTM; dan juga para pelajar UiTM dari bahagian 1 dan 4, serta bahagian 7 dan 8. Tiada risiko yang dikenalpasti boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian maklum balas pelanggan memandangkan pihak Fakulti Undang - Undang UiTM amat bersedia dan terbuka dalam melaksanakan maklum balas pelanggan yang telah diperoleh.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_T01_TB04_TC02_20221_iaknc.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan risiko dilaksanakan dengan memastikan perancangan dan pelaksanaan program mengambil kira keperluan semua pihak, menerusi komunikasi berterusan secara dalam talian mahupun menerusi perbincangan bersemuka. Ini membuahkan hasil perbincangan yang bernas dan membolehkan kesemua pihak bertindak selaras dengan perancangan yang telah dibuat, mengambilkira langkah - langkah pencegahan yang wajar bagi memastikan program - program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

Dari aspek penerimaan dan tindak balas oleh pihak pengurusan Fakulti Undang - Undang, Universiti Teknologi MARA terhadap maklum balas dan aduan pelanggan, pihak Fakulti Undang - Undang bersifat terbuka dalam menilai maklum balas dan aduan pelanggan yang telah diterima. Ini menunjukkan keprihatinan pihak pengurusan Fakulti Undang - Undang, Universiti Teknologi MARA dalam mendengar dan mempertimbang segala cadangan dan maklum balas yang telah diterima menerusi borang maklum balas yang telah diterima. Pihak Fakulti Undang - Undang UiTM juga telah mengadakan sesi perbincangan dalam talian bersama para mentor, untuk mendapatkan maklum balas dari para alumni yang terbabit dalam program ini. Antara maklum balas yang telah diterima dari para mentor adalah berkenaan sokongan penuh terhadap program ini yang merupakan satu inisiatif cemerlang oleh pihak Fakulti dalam memberikan pelbagai manfaat kepada pelajar serta wajar diteruskan pada masa akan datang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_T01_TB04_TC03_20221_iajnc.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dari segi tindakan yang telah diambil, terdapat keberkesanan dan inovasi daripada usaha tersebut. Penambahbaikan dari segi pendekatan program telah dapat dilaksanakan, antara lainya dengan mengambilkira keperluan terkini para pelajar yang menjalani pengajian mereka secara dalam talian akibat pandemik COVID-19. Para pelajar yang terlibat dapat menghadiri sesi tersebut yang dilaksanakan secara dalam talian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_T01_TB05_20221_jaknc.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Program *UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Programme yang bertemakan “Inspiring Future Leader”* dirancang dan diperkenalkan oleh Fakulti Undang-undang (UiTMLaw) sebagai salah satu inisiatif untuk membantu pelajar mendapatkan pandangan serta nasihat daripada pakar rujuk industri yang terdiri daripada alumni Fakulti Undang-undang berkaitan cabaran dan situasi pasaran kerja semasa. Ia merupakan salah satu inovasi dan invensi UiTMLaw bagi tujuan pendedahan industri kepada pelajar seiring dengan Pelan Strategik UiTM 2025.

Program ini merupakan platform untuk Mentor berkongsi pengalaman mereka sewaktu menjadi pelajar undang-undang dan pengalaman bekerja di dalam industri. UiTMLaw telah menjemput 35 orang Mentor yang mempunyai kepakaran dan pengalaman di dalam bidang masing-masing. Mentor-mentor yang dipilih merupakan alumni UiTMLaw daripada pelbagai sektor yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang undang-undang manakala Mentee ialah Pelajar Bahagian 7 dan 8 serta pelajar Bahagian 1 & 4, UiTMLaw. Durasi program adalah satu semester, dari Oktober 2021 sehingga April 2022. Para mentee diwajibkan untuk berjumpa dan mengaturkan sesi perkongsian bersama Mentor mereka sekurang-kurangnya lima kali sepanjang semester.

Secara keseluruhannya, kesemua 35 kumpulan Mentor dan Mentee telah berjaya melengkapkan lima kali atau sekurang-kurangnya empat kali perjumpaan sepanjang program ini dijalankan. Terdapat juga kumpulan yang telah berjumpa dengan Mentor mereka melebihi lima kali. Setelah program selesai, maklum balas dan cadangan penambahbaikan diperoleh daripada Mentor dan Mentee.

Berdasarkan maklum balas yang diperolehi, pihak UiTMLaw mengambil maklum bahawa terdapat beberapa kekangan dan cabaran untuk menjalankan program ini. Antaranya ialah masalah internet dan pembelian data oleh pelajar, kurang kerjasama daripada para pelajar, pelajar tidak berkeyakinan untuk menyuarakan pendapat, serta kurang interaksi berikutan perjumpaan diadakan secara atas talian.

Selain daripada maklum balas positif, terdapat cadangan daripada pihak Mentor supaya UiTMLaw mewujudkan satu garis panduan berkenaan topik-topik yang perlu dibincangkan oleh Mentor dan Mentee sewaktu sesi perjumpaan. Terdapat juga Mentor yang berpendapat bahawa kewujudan garis panduan tersebut akan menghadkan topik perbincangan di antara pelajar dan Mentor dan ada juga Mentor yang berpuas hati dan selesa dengan kebebasan dan fleksibiliti daripada segi pemilihan topik yang wajar dikongsikan bersama pelajar. Terdapat juga cadangan dari pihak Mentor untuk mengadakan sesi perjumpaan secara bersemuka bersama pelajar sekiranya keadaan pandemik mengizinkan. Selain itu, Mentor juga mencadangkan agar maklumat berkaitan pelajar seperti senarai nama, biodata ringkas dan gambar diberikan kepada Mentor sebelum sesi perjumpaan agar Mentor dapat mengenali latar belakang Mentee mereka. Seterusnya, salah seorang Mentor turut mencadangkan agar pelajar dibahagikan kepada kumpulan yang lebih kecil, contohnya seramai 15 orang bagi setiap kumpulan memandangkan jumlah 20-22 orang pelajar dalam satu kumpulan adalah agak besar.

Umumnya, para pelajar memberi maklum balas yang positif terhadap program ini kerana mereka telah menimba banyak ilmu pengetahuan mengenai alam pekerjaan dan industri. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa cadangan yang diutarakan untuk penambahbaikan. Antaranya ialah UiTMLaw mewujudkan satu senarai topik untuk dibincangkan antara Mentor dan Mentee dengan lebih lancar. Selain itu, pelajar juga mencadangkan agar perjumpaan dapat diadakan secara lebih kerap bagi memastikan pelajar dapat menimba ilmu secara optimum daripada Mentor masing-masing. Para pelajar turut mencadangkan agar sesi perjumpaan secara bersemuka dapat diadakan supaya pelajar dapat mengenali Mentor mereka dengan lebih dekat.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pencapaian program diukur melalui Maklum Balas Aktiviti dari Jurulatih Industri dan Pelajar.

i. Maklum Balas daripada Mentor (Alumni / Jurulatih Industri)

Bagi mendapatkan maklum balas yang lebih terperinci daripada Mentor yang terdiri daripada pakar rujuk industri, sesi mendapatkan maklum balas telah dijalankan oleh pengarah dan Ketua Pusat Pengajian Undang-Undang serta Mentor yang terlibat. Secara amnya, program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada Mentor dan pelajar. Kesemua 35 orang Mentor berpendapat bahawa program ini merupakan satu inisiatif yang sangat baik oleh pihak UiTMLaw dan telah memberikan banyak manfaat kepada pelajar serta wajar diteruskan pada masa akan datang.

ii. Maklum Balas Mentee (Pelajar)

Google Form telah diedarkan kepada pelajar selaku Mentee untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan untuk tujuan penambahbaikan program ini pada masa akan datang. *Google Form* telah diedarkan kepada pelajar setiap kali selepas sesi perjumpaan di antara Mentor dan Mentee diadakan bagi mendapat maklum balas pelajar bagi setiap sesi perjumpaan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_A01_AB02_20221_SENARAI BUKTI 4.2 APPROACH - LAMPIRAN 1 - POSTER MENTOR.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB02_20222_SENARAI BUKTI 4.2 APPROACH - LAMPIRAN 2 - CONTOH MAKLUMBALAS.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB02_20223_SENARAI BUKTI 4.2 - APPROACH - LAMPIRAN 3 - GAMBAR MENTEE.pdf](#)
4. [F0043_A01_AB02_20224_SENARAI BUKTI 4.2 APPROACH - LAMPIRAN 4 - MAKLUMBALAS.pdf](#)
5. [F0043_A01_AB02_20225_SENARAI BUKTI 4.2 APPROACH - LAMPIRAN 5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Selain mengekalkan program ini untuk pelajar semester 7 dan 8, UiTMLaw turut merancang untuk melaksanakan program Mentor Mentee ini pada setiap semester melibatkan semua pelajar dari semester 1 hingga 4. Program yang julung kali diadakan ini juga telah membuka ruang perbincangan dengan lebih berkesan di antara UiTMLaw dan pihak industri bagi penambahbaikan.

Penglibatan pelajar dalam memberikan pandangan untuk penambahbaikan juga membuka banyak ruang penambahbaikan untuk program yang sama pada masa hadapan

Keberkesanan program ini boleh dijadikan sebagai modul rujukan kepada fakulti atau universiti lain sama ada dari dalam atau luar negara. Hal ini seiring dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang menekankan aspek kecemerlangan, dan sinergi dalam perkongsian pintar jaringan industri dan alumni iaitu perluasan akses kepada modul sedia ada.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_A01_AB03_20221_SENARAI BUKTI 4.3 - DEPLOYMENT - LAMPIRAN 1 - GAMBAR MENTEE.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB03_20222_SENARAI BUKTI 4.3 DEPLOYMENT - LAMPIRAN 2.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB03_20223_SENARAI BUKTI 4.3 DEPLOYMENT- LAMPIRAN 3- CONTOH MAKLUMBALAS.pdf](#)
4. [F0043_A01_AB03_20224_LAPORAN MENTORSHIP 1.0.pdf](#)
5. [F0043_A01_AB03_20225_MAKLUMBALAS PELAJAR.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dibuat di awal perancangan sehinggalah maklum balas diterima bagi menganalisa keberkesanan program selain mengenalpasti aspek-aspek penting untuk penambahbaikan. Hasil analisa digunakan untuk menambah baik program ini contohnya dengan tindakan proaktif pihak UiTMLaw dalam menyenaraikan topik untuk dibincangkan antara Mentor dan Mentee sebelum program bermula pada masa akan datang supaya perjumpaan lebih fokus dan sesuai dengan bidang undang-undang yang diminati oleh Mentor dan Mentee. Ini bertepatan dengan Pelan Strategik UiTM 2025 berteraskan sinergi jaringan industri dan alumni dalam aspek tadbir urus tangkas.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_A01_AB04_AC01_20221_SENARAI BUKTI 4.4 LEARNING - LAMPIRAN 4.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB04_AC01_20222_MENGAJI SEMULA DAN MEMBUAT TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB04_AC01_20223_PEMANTAUAN.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko pengurusan analisa dan pengurusan pengetahuan telah dikenalpasti melalui sesi perbincangan di antara UiTMLaw dan mentor serta hasil analisa maklumbalas pelajar (mentee). Ini bertepatan dengan Pelan Strategik UiTM 2025 berteraskan sinergi jaringan industri dan alumni dalam aspek tadbir urus tangkas.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_A01_AB04_AC02_20221_SENARAI BUKTI 4.4 LEARNING - LAMPIRAN 4.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB04_AC02_20222_KENAL PASTI RISIKO.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB04_AC02_20223_MENGAJI SEMULA DAN MEMBUAT TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN.pdf](#)

4.4.3 MENGENALPASTI POTENSI PROGRAM MELALUI GOOGLE FORM YANG DIISI OLEH PELAJAR (MENTEE) DAN TEMU BUAL DENGAN PIHAK INDUSTRI (MENTOR). BERDASARKAN MAKLUMBALAS MENTOR DAN MENTEE, UiTMLaw MENGENALPASTI POTENSI PROGRAM INI DIPERLUASKAN, SELAIN MENGENALPASTI BEBERAPA PERKARA UNTUK PENAMBAHBAIKAN. INI BERTEPATAN DENGAN PELAN STRATEGIK UiTM 2025 BERTERASKAN SINERGI JARINGAN INDUSTRI DAN ALUMNI DALAM ASPEK TADBIR URUS TANGKAS.

UiTMLaw telah membuat analisa program melalui *google form* yang diisi oleh pelajar (mentee) dan temu bual dengan pihak industri (mentor). Berdasarkan maklumbalas mentor dan mentee, UiTMLaw mengenalpasti potensi program ini diperluaskan, selain mengenalpasti beberapa perkara untuk penambahbaikan. Ini bertepatan dengan Pelan Strategik UiTM 2025 berteraskan sinergi jaringan industri dan alumni dalam aspek tadbir urus tangkas.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_A01_AB04_AC03_20221_SENARAI BUKTI 4.4 LEARNING - LAMPIRAN 4.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB04_AC03_20222_MENGENALPASTI POTENSI PROGRAM INI DIPERLUASKAN, SELAIN MENGENALPASTI BEBERAPA PERKARA UNTUK PENAMBAHBAIKAN.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB04_AC03_20223_MAKLUMBALAS PELAJAR.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi maklumat kepada amalan sedia telah digunakan bagi penambahbaikan berterusan dan inovasi dalam memastikan Program *UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Programme* menepati keperluan pelajar dan industri seiring dengan teras utama Pelan Strategik UiTM 2025 iaitu membina kecemerlangan, sinergi dan integriti dalam perkongsian pintar industri, komuniti dan alumni.

Program ini juga merupakan inovasi pembelajaran yang baru di mana para pelajar dapat mempelajari tentang dunia perundangan secara praktikal daripada pihak industri. Ia adalah pembelajaran luar kuliah yang amat penting untuk menyediakan para graduan untuk masuk ke dunia kehakiman dan kepeguaman.

Segala dapatan yang diperolehi daripada proses proses sebelum ini telah dijadikan sebagai input yang dapat dimanfaatkan kembali kepada pemegang taruh di peringkat fakulti, universiti, dan pelanggan di peringkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_A01_AB05_20221_SENARAI BUKTI 4.5 INTEGRATION - LAMPIRAN 5.pdf](#)
2. [F0043_A01_AB05_20222_SENARAI BUKTI 4.5 INTEGRATION - LAMPIRAN 2.pdf](#)
3. [F0043_A01_AB05_20223_SENARAI BUKTI 4.5 INTEGRATION - LAMPIRAN 3-MAKLUMBALAS.pdf](#)
4. [F0043_A01_AB05_20224_MENGAJAI SEMULA DAN MEMBUAT TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN.pdf](#)
5. [F0043_A01_AB05_20225_LAPORAN MENTORSHIP 1.0.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PENGENALAN

Sumber manusia merupakan tulang dan penggerak kepada setiap inisiatif yang dijalankan di sesebuah organisasi dan ianya pasti mampu melonjakkan pencapaian organisasi tersebut, termasuk di UiTMLaw. Selaras dengan Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK-11), UiTMLaw menitikberatkan dan menggalakkan penglibatan warga akademik dan bukan akademik di dalam aktiviti yang melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Oleh itu, UiTMLaw telah mewujudkan dan melaksanakan satu program yang dikenali sebagai “**UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Programme 2.0**” yang melibatkan pelajar tahun akhir (Bahagian 7 & 8) Fakulti Undang-Undang. Program UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship yang bertemakan “**Inspiring Future Leader**” diperkenalkan oleh UiTMLaw sebagai salah satu inisiatif untuk membantu para pelajar mendapatkan pandangan serta nasihat daripada pakar rujuk industri yang terdiri daripada alumni UiTMLaw berkaitan cabaran dan situasi pasaran kerja semasa.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENGOPITMAAN KEPAKARAN DAN PENGALAMAN KERJA

Program “**UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Programme 2.0**” adalah program yang melibatkan diantara pelajar UiTMLaw dan pakar rujuk industri. Oleh itu, UiTMLaw perlu melakukan penilaian yang rapi untuk memilih pakar rujuk industri yang sesuai kerana kebanyakan pakar rujuk industri datang daripada pelbagai latar belakang dan bidang. Jadi, UiTMLaw telah menggunakan kepakaran yang dimiliki oleh staf akademik di UiTMLaw. Untuk pengetahuan umum, kebanyakan staf akademik di UiTMLaw mempunyai kepakaran di dalam bidang tertentu seperti (Undang-Undang Korporat, Undang-Undang Harta Intelek, Undang-Undang Tanah dan lain-lain). Selepas penilaian telah dilakukan, UiTMLaw telah bersetuju untuk melantik beberapa pakar rujuk industri untuk menjadi mentor dalam program ini.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_S01_SB02_20221_Jemputan Persatuan Alumni Undang-Undang.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

TAHAP KEPUASAN HATI DAN ADUAN SUMBER MANUSIA

UiTMLaw sentiasa memantau tahap kepuasan hati dan mengambil tindakan terhadap aduan sumber manusia bagi menjayakan inisiatif bidang tumpuan. Pelbagai pendekatan terancang telah digunapakai bagi memastikan pelaksanaan inisiatif yang dirangka. Antaranya termasuklah dengan memastikan penilaian tahap kegirangan sumber manusia (*Happiness Index*) dilaksanakan. Selain itu, penyediaan borang maklum balas di atas talian kepada perancangan dan pelaksanaan program khususnya yang berkaitan dengan matlamat program dan impak atau kesan kepada sesuatu program turut dilaksanakan oleh pihak pengurusan kanan fakulti dan Jawatankuasa Induk “**UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Programme 2.0**”.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

INOVASI

Program “**UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Programme 2.0**” ini adalah satu program yang melibatkan di antara pakar rujuk industri yang terdiri daripada alumni UiTMLaw dengan pelajar UiTMLaw. Oleh itu, program ini adalah inovasi yang dihasilkan oleh UiTMLaw dalam memperkukuhkan jaringan industri diantara alumni UiTMLaw dengan pelajar serta staf di UiTMLaw. Inovasi dapat dilihat dengan memberi peluang kepada pelajar UiTMLaw untuk memperkukuhkan jaringan mereka dengan industri di luar. Oleh demikian, program ini juga merupakan bagi pelajar UiTMLaw untuk menambah nilai kerja mereka.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_S01_SB04_SC01_20221_Doc3.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

RISIKO YANG DIKENALPASTI

Program “**UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Programme 2.0**” ini adalah satu program yang melibatkan di antara pakar rujuk industri yang terdiri daripada alumni UiTMLaw dengan pelajar UiTMLaw. Oleh itu, terdapat beberapa risiko serta halangan yang dihadapi oleh UiTMLaw dalam melaksanakan program ini seperti tidak dapat mengekalkan pakar rujuk industri yang dipilih untuk berkhidmat di dalam program ini pada jangka masa yang panjang, UiTMLaw tidak dapat memberi fokus yang sepenuhnya di dalam program ini kerana masalah teknikal yang dihadapi oleh mereka seperti masalah pencapaian internet dan teknik yang digunakan oleh beberapa pakar rujuk industri dalam pengajaran mereka, tidak berjaya menarik perhatian pelajar UiTMLaw.

SENARAI BUKTI :

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PENAMBAHBAIKAN

Terdapat beberapa penambahan dan penambahbaikan yang akan dilaksanakan dalam program ini. Pertama sekali, untuk meneruskan program ini di masa hadapan, pihak UiTM law dengan pakar rujuk industri perlu mengeluarkan satu garis panduan yang komprehensif. Ini kerana garis panduan ini boleh menjadikan satu kayu ukur untuk pelaksanaan program ini. Kedua, mod untuk pembelajaran id dalam program ini mungkin boleh diubah mengikut kesesuaian kedua-dua pihak.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_S01_SB04_SC03_20221_Doc2.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

INTEGRASI

Integrasi yang dapat dilihat adalah sinergi diantara pakar rujuk industri dengan UiTMLaw. Sinergi dapat dihasilkan dengan kerjasama yang erat dan satu matlamat iaitu untuk mengembang kebolehpasaran pelajar UiTMLaw di dunia luar.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_S01_SB05_20221_Doc1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Seperti yang telah di perelaskan di dalam kriteria-kriteria sebelum ini, pencapaian UiTMLaw adalah yang amat cemerlang pada tahun 2021 dengan pelbagai pencapaian yang telah dicapai hasil daripada sinergi dan komunikasi yang cemerlang di antara pihak pengurusan UiTMLaw bersama para pensyarah, staf, pelajar, Alumni dan rakan industri tempatan mahupun rakan industri dan akademik antarabangsa. Buktinya UiTMLaw dengan tidak disangka-sangka telah berjaya mencapai peratusan sasaran yang cemerlang pada tahun 2021, dengan memperolehi sebanyak 91% bersamaan 6 bintang yang dinilai berdasarkan **“Achievement of 2021 Performance Indicator”** dan ini merupakan satu pencapaian terbaik dalam sejarah UiTMLaw selama ini. Antara pencapaian program yang cemerlang dan berimpak tinggi yang akan ditumpukan oleh kriteria 6 ini dapat diukur dan dilihat daripada program **UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Program 2.0: Inspiring Future Leader** yang merupakan program bersiri dilaksanakan semenjak tahun 2020 yang juga menjadi juara bagi AnugerahMeTIC 11/2022 yang berlangsung pada 17 Mei 2022 hingga 19 Mei 2022 Kolaborasi Alumni Terbaik Anjuran Pejabat ICAN.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Program 2.0: Inspiring Future Leader adalah satu program yang telah direka khas bagi mempersiapkan pelajar UiTMLaw khususnya pelajar tahun akhir sebelum pelajar memasuki dunia pekerjaan yang sebenar. Rentetan Pandemik Covid-19 yang telah menyekat hampir semua aktiviti pelajar untuk dijalankan secara bersemuka, UiTMLaw telah mengambil inisiatif untuk membawakan industri kepada pelajar melalui program secara maya sepanjang tempoh ini bagi mengekalkan dan selaras dengan **Perancangan Strategik UiTMLaw 2016-2020**, iaitu High Quality Students through **Academic Excellence, Global Prominent and Holistic Learning** yang merangkumi tiga (3) aspek utama iaitu **High Quality, High Employability, Global Prominent, Global Presence dan Holistic Learning, Holistic Students**. Program bersama pihak Industri ini direka khas bagi merealisasikan Perancangan Strategik ini.

Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi memastikan program dapat dirancang dengan sistematik, dilaksanakan secara menyeluruh supaya pelaksanaan program dapat dipantau dengan berkesan, risiko dapat dikenalpasti dan tindakan pencegahan dapat dirancang. Data dan maklumat program juga dapat diambil dan dianalisa dan penambahbaikan dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Perancangan program dimulai dengan proses mengenalpasti bilangan alumni yang akan menjadi mentor kepada pelajar tahun akhir bagi sepanjang semester pengajian. Setelah itu, sebilangan calon mentor akan dikenalpasti dan pemilihan mentor dibuat oleh jawatankuasa program dan disahkan oleh Dekan UiTMLaw sendiri. Proses pemilihan mentor amat penting bagi memastikan mentor yang dipilih sesuai dan berupaya untuk bersama-sama merialisasikan Perancangan Strategik UiTMLaw. Setiap mentor yang dipilih merupakan alumni UiTMLaw yang kini beramal sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya, penasihat undang-undang, timbalan pendakwaraya dan lain-lain. Proses diteruskan dengan penyediaan kertas kerja yang menjelaskan secara terperinci objektif program, mekanisme pelaksanaan program, dan lain-lain perkara berkaitan dengan program **UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Program 2.0: Inspiring Future Leader** ini. Proses berikutnya adalah memperkenalkan mentor-mentor yang telah dipilih ke semua pelajar semester akhir melalui satu majlis perasmian program yang telah dijalankan pada awal semester. Setelah itu, setiap kelas pelajar semester akhir akan menerima seorang mentor yang akan menjalankan sesi mentor-mentee, perkongsian, perbincangan, ceramah dan lain-lain bersama mentee masing-masing sepanjang semester pengajian berjalan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_O01_OB02_20221_surat_kelulusan_mentorship.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB02_20222_02 CV Aliff Benjamin \(1\).pdf](#)
3. [F0043_O01_OB02_20223_poster_mentorship.pdf](#)
4. [F0043_O01_OB02_20224_bukti_hari_kejadian_2.pdf](#)
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Model '*Plan, Do, Check, Action (PDCA)*' dapat dilihat melalui program ini bagi memastikan *High Quality, High Employability, Global Prominent, Global Presence and Holistic Learning*, Holistic Students dapat dicapai seperti berikut:

Perancangan:

- Perancangan kertas kerja
- Menubuhkan jawatankuasa program
- Mengenalpasti bilangan pelajar yang terlibat
- Menubuhkan jawatankuasa pelajar bagi pelaksanaan program
- Pengenalpastian mentor, pemilihan mentor, kepelbagaian latar belakang mentor, pencapaian mentor, bidang pekerjaan mentor dan lain-lain perkara berkenaan.
- Merancang majlis perasmian program
- Merancang sesi perkenalan mentor kepada pelajar
- Menetapkan tarikh sesi pertama mentor-mentee
- Menyediakan tema/tajuk bagi sesi mentor-mentee
- Menyediakan borang kehadiran pelajar
- Menyediakan borang maklum balas program oleh pelajar
- Menyediakan borang maklumbalas program oleh mentor
- Menyediakan kit mentor

Pelaksanaan

- Melantik jawatankuasa program yang terdiri daripada pensyarah, staf pentadbiran dan pelajar bagi melaksanakan program
- Melantik mentor
- Menjalankan majlis perasmian program
- Memperkenalkan dan meletakkan seorang mentor pada setiap kelas pelajar tahun akhir Fakulti Undang-Undang
- Menyerahkan kit mentor kepada mentor
- Memastikan sesi pertama mentor-mentee berjalan lancar
- Memastikan pelajar mengisi borang kehadiran program
- Memastikan pelajar mengisi borang maklum balas program
- Memastikan mentor mengisi borang maklum balas program
- Menyediakan laporan program di akhir semester pengajian

Pemantauan

- Mengkehendaki pelajar untuk kemaskini senarai butiran perjumpaan bersama mentor sebelum sebarang sesi mentor-mentee dijalankan
- Jawatankuasa pantau sesi mentor-mentee
- Jawatankuasa pantau borang kehadiran pelajar
- Jawatankuasa pantau borang maklumbalas pelajar
- Jawatankuasa pantau borang maklumbalas mentor

Penambahbaikan

- Melibatkan semua pelajar fakulti undang-undang
- Memastikan pelajar sentiasa dalam keadaan sedia semasa sesi mentor-mentee dijalankan
- Sesi mentor-mentee dirakam bagi tujuan pendokumentasian

- Mentor meyerahkan butiran tetamu undangan kepada jwatankuasa bagi tujuan pendokumentasian

Pemantauan pencapaian dilaksanakan secara berkala sepanjang semester berjalan melalui borang maklumbalas pelajar dan mentor.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_O01_OB03_20221_evaluation form.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB03_20222_guest speaker registration form.pdf](#)
3. [F0043_O01_OB03_20223_list mentor 2.0.pdf](#)
4. [F0043_O01_OB03_20224_LAPORAN MENTORSHIP 1.0.pdf](#)
5. [F0043_O01_OB03_20225_Jemputan Persatuan Alumni Undang-Undang.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Melalui pelaksanaan program ini, pelajar telah didedahkan dengan keadaan dan situasi sebenar alam pekerjaan melalui mentor mereka. Mentor bebas untuk memilih topik dan aktiviti yang ingin dijalankan pada setiap sesi. Setiap sesi yang dijalankan bersama mentor masing-masing sudah semestinya berjaya menghasilkan pelajar yang ***High Quality, High Employability, Global Prominent, Global Presence and Holistic Learning, Holistic Students*** kerana pelajar telah menerima pendedahan berkenaan dengan alam pekerjaan melalui mentor masing-masing dan oleh yang demikian pelajar lebih bersedia dan yakin untuk melangkah ke alam pekerjaan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0043_O01_OB04_OC01_20221_bukti hari kejadian 2.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB04_OC01_20222_bukti hari kejadian 3.pdf](#)
3. [F0043_O01_OB04_OC01_20223_bukti hari kejadian.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi menjamin program mencapai matlamat yang digariskan, risiko pelaksanaan program telah dikenal pasti dan ditangani oleh jawatankuasa program. Risiko yang dikenalpasti telah dikelaskan dan tindakan pencegahan telah diambil bagi memastikan program dapat dilaksanakan dengan jayanya. **Program Industry-Alumni Mentorship 2.0** telah mengenalpasti beberapa risiko pelaksanaan program iaitu penetapan jadual sesi mentor-mentee dan tema/tajuk sesi mentor-mentee. Kedua-dua risiko ini telah diteliti dan melalui perbincangan ahli jawatankuasa, telah berjaya menangani kedua-dua risiko ini dan satu tindakan telah diambil dengan memberi kebebasan penuh kepada mentor dan pelajar untuk menyusun tarikh sesi mereka sendiri supaya sesi dapat dijalankan dengan lancar. Berkenaan dengan tema / tajuk sesi mentor-mentee, satu senarai / garis panduan / tema telah disediakan oleh jawatankuasa program bagi memberi panduan kepada mentor akan tajuk/topik/ aktivi yang boleh dijalankan bersama pelajar

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_O01_OB04_OC02_20221_evaluation form.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB04_OC02_20222_guest speaker registration form.pdf](#)
3. [F0043_O01_OB04_OC02_20223_Mentor - Maklumbalas Mentor.pdf](#)
4. [F0043_O01_OB04_OC02_20224_surat kelulusan mentorhip.pdf](#)
5. [F0043_O01_OB04_OC02_20225_Mentor - Maklum Balas \(1\).pdf](#)

6.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kesemua data dari borang maklumbalas pelajar, borang maklumbalas mentor dan borang kehadiran diekstrak, disusun dan dianalisa. Analisa data-data yang berkenaan dibentangkan kepada Dekan UiTMLaw untuk tujuan tindakan dan penambahbaikan. Setiap komen dan cadangan dan yang diberikan diambil kira dan tindakan telah diambil berdasarkan kepada cadangan dan komen yang diberikan oleh pelajar dan mentor. Jawatankuasa menghubungi setiap mentor untuk mendapatkan maklumbalas yang lebih tepat berkenaan dengan sesi mentor-mentee yang telah dijalankan sepanjang semester.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_O01_OB04_OC03_20221_LAPORAN MENTORSHIP 1.0.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB04_OC03_20222_Mentor - Maklum Balas \(1\).pdf](#)
3. [F0043_O01_OB04_OC03_20223_Mentor - Maklumbalas Mentor.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Secara keseluruhannya pelaksanaan program Industry-Alumni Mentorship telah memberikan banyak manfaat kepada pelajar khususnya pelajar tahun akhir sebelum pelajar melangkah ke alam pekerjaan. Cabaran untuk menyediakan pelajar sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan dapat diatasi dengan pelaksanaan program yang telah direka khas untuk memastikan pelajar faham dan bersedia untuk melangkah ke alam pekerjaan. Program ini telah berjaya menjadi satu program yang wajib dijalankan pada setiap semester kerana impak positif dapat dilihat terus melalui maklum balas pelajar dan mentor berkenaan dengan pelaksanaan program ini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0043_O01_OB05_20221_LAPORAN MENTORSHIP 1.0.pdf](#)
2. [F0043_O01_OB05_20222_bukti hari kejadian 3.pdf](#)
3. [F0043_O01_OB05_20223_bukti hari kejadian.pdf](#)
4. [F0043_O01_OB05_20224_Mentor - Maklum Balas \(1\).pdf](#)
5. [F0043_O01_OB05_20225_Mentor - Maklumbalas Mentor.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Perancangan Strategik Yang Mampan Mencetus Impak Positif Terhadap Para Pelajar, Fakulti Undang-Undang, Seterusnya Kepada UiTM Secara Menyeluruh

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Cabaran yang dihadapi oleh Fakulti dan para pelajar khususnya pelajar Tahun Akhir (Bahagian 7 & 8) Fakulti Undang-undang berikutan Pandemik COVID-19 telah mencetuskan satu inisiatif untuk mewujudkan satu program berasaskan *Mentor – Mentee*. Hal ini penting sebagai salah satu persediaan untuk para pelajar memasuki dunia pekerjaan, bahkan selaras dengan Perancangan strategik UiTMLaw bermula dengan rangkaian sasaran dan pelan lima tahun di dalam buku *Strategic Planning FUU (2016-2020)*. Di bawah Pelan Strategik 2025, UiTMLaw merencana sasaran jangka panjang dan pendek secara tahunan. Dokumen ini adalah sejajar dengan Pelan Strategik UiTM2025, RMK-11 UiTM 2016-2020 dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (*Sustainable Development Goals (SDG) 2030*. Justeru, program UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship 2.0, yang bertemakan “*Inspiring Future Leaders*” diperkenalkan oleh Fakulti Undang-Undang sebagai salah satu inisiatif untuk membantu para pelajar mendapatkan pandangan serta nasihat daripada pakar rujuk industri yang terdiri daripada alumni Fakulti Undang-Undang berkaitan cabaran dan situasi pasaran kerja semasa.

Pengurusan Hal Ehwal Pelajar telah memperkasakan aspek Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar melalui hubungan yang akrab antara warga UiTMLaw dan Alumni melalui program UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship 2.0, yang bertemakan “*Inspiring Future Leaders*”. Program ini merupakan satu perkongsian pengalaman oleh mentor sewaktu bekerja dalam industri dan menjadi platform untuk memberi inspirasi dan nilai tambah kepada pelajar melalui perkongsian mengenai hal-hal praktikal melibatkan industri. Malah, program ini telah memberi pendedahan mengenai kemahiran keusahawanan yang perlu diterapkan di dalam amalan perundangan. UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Program buat julung kalinya dijalankan pada semester Mac 2021 hingga Ogos 2021 melibatkan pelajar Tahun Akhir (Bahagian 7 & 8) Fakulti Undang-Undang. Memandangkan program ini merupakan program yang berimpak tinggi, pihak Fakulti telah mengembangkan program ini kepada Pelajar Semester 1 dan Semester 4 bagi Program UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Programme 2.0.

Sesi perjumpaan antara mentor dan mentee pula telah dijalankan secara atas talian, mengikut medium pilihan mentor masing-masing, seperti Google Meet, Zoom, Webex dan sebagainya.

Pihak Fakulti Undang-Undang telah menjemput 35 orang mentor yang mempunyai kepakaran luas dalam bidang masing-masing. Mentor-mentor yang dipilih merupakan alumni Fakulti Undang-Undang daripada pelbagai sector perundangan dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam amalan guaman. Ini secara tidak langsung dapat menjalinkan dan mengukuhkan hubungan di antara fakulti dan rakan-rakan industri dan alumni.

Durasi program ini telah berlangsung selama satu semester dari Oktober 2021 sehingga Februari 2022. Para mentee telah diwajibkan untuk berjumpa dan mengaturkan sesi perkongsian bersama mentor mereka sekurang- kurangnya lima kali sepanjang semester.

Melalui program ini, tidak dinafikan bahawa para pelajar telah dapat menimba ilmu tentang pelbagai aspek industri, khususnya dalam penyediaan terhadap *resume*, *cover letter* dan temu duga melalui rangkaian bersama rakan industri dan alumni. Secara keseluruhannya, kesemua 35 kumpulan mentor dan mentee telah berjaya melengkapkan 5 kali atau sekurang-kurangnya 4 kali perjumpaan sepanjang program ini dijalankan. Terdapat juga kumpulan yang telah berjumpa dengan mentor mereka melebihi 5 kali. Majlis penutupan secara bersemuka telah diadakan bagi menghargai komitmen mentor yang telah banyak menyumbang kepada Fakulti. Majlis telah dirasmikan YBhg. Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah, Timbalan Naib Canselor,

Jaringan Industri, Komuniti & Alumni, Universiti Teknologi Mara.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0043_HB02_20221_FINAL - Kriteria 7 kategori 1 \(Tahap\).pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0043_HB03_20222_FINAL - Kriteria 7 kategori 1 \(Tren\).pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0043_HB04_20223_FINAL - Kriteria 7 kategori 1 \(Perbandingan\).pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0043_HB05_20224_FINAL - Kriteria 7 kategori 1 \(Kepentingan\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Operasi Yang Efisien Dapat Mewujudkan Kerjasama Yang Baik Antara Pelajar, Fakulti, Industri Dan Alumni

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Program Industry-Alumni Mentorship telah direka khas bagi menyediakan pelajar Fakulti Undang-Undang khususnya pelajar tahun akhir sebelum pelajar memasuki dunia pekerjaan. Para pelajar perlu didedahkan dengan realiti sebenar alam pekerjaan bukan sahaja dari segi praktikal bahkan melalui perkongsian pengalaman daripada pihak industri yang juga merupakan alumni UiTMLaw. Program ini juga memastikan bahawa para pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi di dalam bidang undang-undang bahkan mempunyai pendedahan kepada pengalaman sebenar yang dikongsi oleh pihak industri dan alumni yang terpilih.

Program Industry-Alumni Mentorship ini dimulakan dengan pemilihan Sebilangan calon mentor akan dikenalpasti dan pemilihan mentor yang dibuat oleh jawatankuasa program dan disahkan oleh Dekan Fakulti Undang-Undang. Proses pemilihan mentor ini amat penting bagi memastikan mentor yang dipilih sesuai dan menepati kriteria supaya mereka dapat bersama-sama merealisasikan Perancangan Strategik UiTMLaw. Setiap mentor yang dipilih merupakan alumni Fakulti Undang-Undang yang kini beramal sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya, penasihat undang-undang, timbalan pendakwaraya, pegawai undang-undang daripada pelbagai jabatan kerajaan, badan berkanun dan juga daripada sektor swasta. Bagi proses pelaksanaan program pula ianya diadakan secara atas talian memandangkan sekatan pergerakan yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan pada waktu tersebut. Selepas program tamat, analisa tentang proses penambahbaikan telah dibuat bagi mengenalpasti kelemahan dan kekuatan program ini.

Semua perancangan bagi program ini termasuk beberapa siri mesyuarat dan proses pelaksanaan program Industry-Alumni Mentorship ini dijalankan dengan menggunakan platform atas talian seperti Google Meet, Zoom, Webex dan sebagainya.

Satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada para pensyarah yang berpengalaman dan mempunyai hubungan yang baik dengan pihak industri dan alumni telah ditubuhkan bagi memastikan program dapat dirancang dengan sistematik, dilaksanakan secara menyeluruh, pelaksanaan program dapat dipantau dengan berkesan, risiko dapat dikenalpasti dan tindakan pencegahan dapat dirancang, data dan maklumat program dapat diambil dan dianalisa dan penambahbaikan dapat dilaksanakan.

Perancangan bagi program ini telah berlangsung selama beberapa bulan sehingga program dilaksanakan pada semester Mac 2021 sehingga Oktober 2022.

Melalui pelaksanaan program ini ia telah mewujudkan kerjasama yang baik antara pihak industri yang juga merupakan alumni dan pihak UiTMLaw serta kepada para pelajar secara tidak langsung. Beberapa siri perjumpaan yang telah ditetapkan jumlah kekerapannya perlu diadakan di antara para pelajar dan mentor untuk satu semester.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0043_HB02_20221_7.2.2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0043_HB03_20222_7.2.3.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0043_HB04_20223_7.2.4.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0043_HB05_20224_7.2.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL DARI MAKLUMBALAS PELANGGAN YANG TERDIRI DARIPADA PELAJAR, UITMLAW SERTA PIHAK LUAR BAGI PROGRAM UiTMLaw INDUSTRY-ALUMNI MENTORSHIP

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Program yang berasaskan Mentor-Mentee merupakan salah satu inisiatif UiTMLaw bagi mempersiapkan para pelajar bagi menghadapi cabaran dan situasi pasaran kerja semasa di dalam bidang undang-undang. Pihak Pengurusan Kanan fakulti memberikan perhatian kepada jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan dengan menekankan pembangunan yang holistik, selaras dengan Teras Kedua, Tema Strategik Ke-5 Pelan Strategik UiTM 2025.

UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Program buat julung kalinya dijalankan pada semester Mac 2021 hingga Ogos 2021 melibatkan pelajar Tahun Akhir (Bahagian 7 & 8) Fakulti Undang-Undang. Memandangkan program ini merupakan program yang berimpak tinggi, pihak Fakulti telah mengembangkan program ini kepada Pelajar Semester 1 dan Semester 4 bagi Program UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship Programme 2.0. Pihak UiTMLaw telah mengedarkan pautan Google Form bagi mengetahui maklumbalas mengenai Program UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship, daripada pihak yang terlibat termasuk pelajar UiTMLaw, Mentor dan juga staf akademik UiTMLaw.

UiTMLaw Industry-Alumni Mentorship telah dijalankan secara atas talian, mengikut medium pilihan mentor masing-masing, seperti Google Meet, Zoom, Webex dan sebagainya. Program ini telah berlangsung selama satu semester dari Oktober 2021 sehingga April 2022. Para mentee telah diwajibkan untuk berjumpa dan mengaturkan sesi perkongsian bersama mentor mereka sekurang-kurangnya lima kali sepanjang semester dan maklumbalas pelanggan diedarkan selepas program berlangsung.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0043_HB02_20221_Tahap \(Level\).pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0043_HB03_20222_Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0043_HB04_20223_Perbandingan 7.4.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0043_HB05_20224_Kepentingan.pdf](#)